

LAPORAN STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN SUSULAN MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM TAHUN 2020

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
10.3 – TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS				
1.	10.3.2	mengambil perhatian pada Minit 9.5.4.1(d) iaitu Keberkesanan bagi pelaksanaan tindakan NCR ini akan disemak oleh Juruaudit semasa audit SIRIM tahun 2020 dan meminta Kolej 14 dan mana-mana PTJ yang menggunakan khidmat Pengawal Keselamatan yang diserahkan untuk menyediakan bukti tindakan supaya penemuan yang sama tidak ditemui di PTJ lain.	TWP Pejabat TNC HEPA & TWP BKU	Kolej 14 telah menamatkan perkhidmatan Pengawal Keselamatan dari Syarikat Dynamic Guard Force dan memohon kepada Bahagian Keselamatan Universiti untuk melantik Syarikat Pengawal Keselamatan yang baharu iaitu Watchman Security Services. Bukti tindakan: - Surat Penamatan Pengawal Keselamatan (Dynamic Guard Force) - Surat Permohonan Pengawal Keselamatan baharu (Watchman Security Services). * Kontrak Pengawal Keselamatan yang baharu adalah dibawah seliaan Bahagian Keselamatan Universiti.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
2.	10.3.3	meminta diteliti isu berkaitan tapisan keselamatan serta lain-lain perkhidmatan serah urus di universiti bagi memastikan pelaksanaan tindakan dan perkhidmatan adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak UPM.	TWP Pejabat TNC HEPA, TWP BKU & TWP Pejabat Bursar	Kolej 14 telah mendapatkan rekod tapisan keselamatan Pengawal Keselamatan yang bertugas di Kolej 14 daripada pihak Syarikat Watchman Security Services. Bukti tindakan: i. Empat (4) salinan keputusan tapisan keselamatan Pengawal Keselamatan dari Syarikat Watchman Security Services. <u>Maklumbalas TWP Pejabat Bursar :</u> GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN DISERAH URUS (OUTSOURCING) KEPADA PIHAK LUAR dengan kod SOK/KEW/GP011/BUY telah diwujudkan sebagai rujukan kepada PTJ untuk menguruskan perkhidmatan serah urus di UPM. Ketidakpatuhan pada spesifikasi dan kontrak perlu diambil tindakan dengan memberikan peringatan atau amaran kepada pembekal bagi memastikan ketidakpatuhan tidak berulang.
3.	10.3.4	mengambil perhatian pada Minit 9.5.4.2(c) berkenaan status penutupan penemuan audit dalaman QMS tahun 2019 setakat 9 November 2020 di mana masih terdapat 3 NCR yang belum ditutup, dan diminta PTJ terlibat dapat melaksanakan tindakan bagi tujuan penutupan NCR berkenaan sebelum 30 November 2020 atau mengikut tarikh cadangan tindakan yang ditetapkan oleh PTJ.	TWP Fakulti Sains, TWP iAQUAS & TWP INSPEM	<u>Maklumbalas PAD, UPM</u> 100% penemuan audit dalaman QMS tahun 2019 telah ditutup

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
4.	10.3.6	mengambil perhatian pada Minit 8.7.3.2 berkenaan status penutupan penemuan audit dalaman ISMS tahun 2019 setakat 9 November 2020 di mana masih terdapat 1 OFI yang belum ditutup, dan diminta PTJ terlibat dapat melaksanakan tindakan bagi tujuan penutupan OFI berkenaan mengikut tarikh cadangan tindakan yang ditetapkan.	Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat	<u>Maklumbalas PAD, UPM</u> 100% penemuan audit dalaman ISMS tahun 2019 telah ditutup
10.5 - KEPUASAN PELANGGAN & MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN				
10.5.1 - Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS				
5.	10.5.1(d)	mengambil perhatian, terdapat keperluan mengenalpasti tindakan yang bersesuaian bagi komen dan cadangan yang dimajukan melalui surat ke PTJ oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti.	PKPU & Semua Ketua PTJ, TWP PP & TWP PTJ yang berkenaan	<u>Maklum balas PKPU, UPM :</u> Kajian Kepuasan Pelanggan adalah bertujuan untuk mengenal pasti sebarang isu yang disampaikan oleh pelanggan berkaitan perkhidmatan yang diberikan oleh PTJ. Sehubungan itu, maklumat/komen daripada pelanggan melalui Kajian Kepuasan Pelanggan berkenaan yang dihantar oleh PKPU kepada setiap PTJ bagi setiap sukuan perlu dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ bagi tindakan penambahbaikan yang berterusan. Ingatan untuk mengenalpasti tindakan akan perkara berikut telah dilampirkan bersama:- 1. Surat dapatan kajian kepuasan pelanggan yang dikeluarkan pada setiap sukuan bermula 16 Jun 2021 kepada semua PTJ(gabungan Q1 dan Q2)dan; 2. Hebahan mengenai Kajian Kepuasan Pelanggan melalui INFO@UPM kepada semua PTJ pada 22 Jun 2021.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
				<u>Maklum balas PTJ :</u> <u>Pejabat Naib Canselor dan Entiti :</u> Mengambil perhatian dan mengenalpasti tindakan sekiranya terdapat komen dan cadangan yang diberikan oleh responden melalui kajian kepuasan pelanggan. Setakat Q4 2020, tidak menerima sebarang komen/cadangan dan pihak WAZAN menerima komen positif daripada responden.
10.6 - - MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS				
10.6.3 - Penemuan Audit				
10.6.3.1(a) - Audit SIRIM QMS Tahun 2019				
6.	10.6.3.1(a) iv	mengambil perhatian bukti tindakan OFI audit SIRIM 2019 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2020 yang akan mula dilaksanakan pada 30 November hingga 10 Disember 2020.	Semua PTJ yang berkaitan	<u>Maklum balas PAD, UPM :</u> Bukti tindakan OFI QMS Audit SIRIM 2019 yang dilaksana oleh PTJ yang berkaitan telah disemak semasa Audit SIRIM tahun 2020 pada 30 November hingga 10 Disember 2020.
10.6.3.1(b) - Audit SIRIM ISMS Tahun 2019				
7.	10.6.3.1(b) iv	mengambil perhatian bukti tindakan OFI audit SIRIM 2019 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2020 yang akan mula dilaksanakan pada 30 November, 7 hingga 10 Disember 2020.	Semua PTJ yang berkaitan	<u>Maklum balas PAD, UPM :</u> Bukti tindakan OFI ISMS Audit SIRIM 2019 yang dilaksana oleh PTJ yang berkaitan telah disemak semasa Audit SIRIM tahun 2020 pada 30 November hingga 10 Disember 2020.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
10.6.3.2 - Audit Dalam QMS dan ISMS Tahun 2020				
8.	10.6.3.2(f)	mengambil perhatian maklum balas pelan tindakan serta bukti pelaksanaan tindakan bagi penemuan audit dalaman perlu direkodkan melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PTJ dengan persetujuan bersama Juruaudit Dalaman.	TWP PP/PTJ berkenaan	<u>Maklum balas PAD, UPM :</u> Pemantauan bagi status penutupan penemuan audit dalaman tahun 2020 telah dilaporkan dalam Mesyuarat JK Kualiti UPM kali ke-51 pada 29 Julai 2021. Status terkini dikemaskini setakat 15.11.2021 adalah seperti berikut: <u>NCR QMS (Bil. NCR = 178)</u> ❖ 98% NCR telah ditutup ❖ 3 NCR belum ditutup. PTJ terlibat: - FK (2 NCR) – telah diberi semula NCR pada audit dalaman tahun 2021. Tindakan sedang dilaksanakan dan pengesahan semula tindakan pada 30 Disember 2021. - PPKKP/PNC (1 NCR) – telah diberi semula penemuan audit dalaman tahun 2021. Tindakan sedang dalam proses dan dijangka selesai pada 30 Dis. 2021. <u>OFI QMS (Bil. OFI) = 218</u> ❖ 92% OFI telah ditutup ❖ 7 OFI belum ditutup. PTJ terlibat: - B. Akad. (1 OFI) – masih dalam tempoh tindakan sehingga 30 Disember 2021 kerana melibatkan penambahbaikan sistem <i>online</i>.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
				- UPMKB (6 OFI): Tindakan muatnaik bukti dalam PortalCQA tidak dapat dibuat kerana masalah teknikal dan telah membuat aduan kepada iDEC melalui SPICT. <u>NCR ISMS (Bil. NCR =13)</u> ❖ 92% NCR telah ditutup ❖ 1 NCR belum ditutup. PTJ terlibat: UPMKB <u>OFI ISMS (Bil. OFI =26)</u> ❖ 100% OFI telah ditutup
9.	10.6.3.2(g)	mengambil perhatian PTJ perlu membuat perbincangan secara menyeluruh melibatkan auditee yang berkaitan bagi mengenal pasti punca ketakakuran yang tepat dan dapat melaksanakan tindakan pembetulan yang berkesan supaya penemuan yang sama tidak berulang pada audit akan datang. Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 9% penemuan berkaitan tindakan pembetulan tidak berkesan menyebabkan penemuan berulang semasa audit dalaman tahun 2020. Ini kerana: - pengenalpastian punca yang tidak tepat semasa melaksanakan tindakan pembetulan pada tahun 2019; - pelaksanaan tindakan pembetulan tidak menyeluruh di dalam PTJ.	TWP PP/PTJ berkenaan	<u>Maklum balas CQA :</u> Bagi mengenal pasti punca ketakakuran yang tepat dan dapat melaksanakan tindakan pembetulan yang berkesan supaya penemuan yang sama tidak berulang pada audit akan datang, PTJ perlu mendapatkan persetujuan daripada Ketua Juruaudit Dalaman PTJ (KJAD) terlebih dahulu sebelum melaksanakan tindakan pembetulan yang telah dikenal pasti. CQA juga telah menyediakan Panduan Penutupan Penemuan audit dalaman yang telah dihebahkan kepada TWP dan TPAD PTJ.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
10.7 - KECUKUPAN SUMBER				
10.7.1 - Sokongan Sumber Manusia				
10.	10.7.1(a) ii	strategi pemantapan berterusan sumber manusia 2020 menerusi Perjawatan dengan pengisian jawatan yang dirancang secara teliti dan memberi tumpuan kepada jawatan kritikal dengan tindakan seperti berikut: 1. meminta Pusat Tanggungjawab mengemukakan permohonan jawatan kritikal dan menilai permohonan berdasarkan keperluan fungsi dan organisasi serta deskripsi tugas, mengeluarkan borang soal selidik keperluan perjawatan serta membangunkan deskripsi tugas; 2. mengenalpasti jawatan yang kurang relevan dan kurang diperlukan dengan cara menyemak semula keperluan dan jumlah jawatan sedia ada bagi beberapa jawatan seperti Pemandu, Pembantu Awam dan Pembantu Operasi serta pertukaran dan penyusunan secara dalaman menggunakan jawatan sedia ada; dan 3. pengisian dan penyusunan staf akan berpandu kepada hasil audit perjawatan (melihat beban kerja staf). Proses Audit TMS (Time Motion Study) akan diteruskan kepada Skim S (Pustakawan) menggunakan Sistem TMS yang telah siap dibangunkan.	Pejabat Pendaftar	Permohonan waran perjawatan tahunan perlu dikemukakan kepada KPT dan JPA 2 tahun sebelum tahun yang diperlukan melalui ABM (Anggaran Belanja Mengurus). Permohonan perjawatan bagi tahun 2022 telah dimajukan kepada KPT dan JPA pada penghujung tahun 2020 dan mesyuarat pemeriksaan oleh KPT dan JPA telah dilaksanakan pada Mac 2021. Asas pemberian waran perjawatan yang baharu adalah berdasarkan keperluan jawatan kritikal di PTJ melalui <i>trade off</i> jawatan sedia ada. Bagi menentukan keperluan jawatan baharu yang dikemukakan oleh PTJ, Pejabat Pendaftar merujuk kepada TMS yang telah dilaksanakan oleh PTJ yang berkenaan. Audit TMS akan diteruskan bagi PTJ yang perlu merancang semula susunan perjawatan dan permohonan jawatan baharu. Bagi audit TMS skim S ditangguhkan sepanjang PKP.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
11.	10.7.1(a) iii	strategi pemantapan berterusan sumber manusia 2020 menerusi Program Latihan dan Pembangunan Bakat dengan memberi tumpuan kepada penganjuran program latihan dan pembangunan bakat serta pelan penggantian yang lebih dinamik dan inovatif yang menggunakan CBTM (<i>Competency-Based Talent Management</i>) dengan tindakan seperti berikut: 1. memberikan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada pengurus sumber manusia tentang kepentingan CBTM melalui program Talent Management for Excellence (TaME) anjuran AKEPT; 2. menyediakan kerangka kerja kompetensi pelan penggantian berasaskan CBTM; 3. menyerap masuk dan melaksanakan aktiviti pengambilan dan pelantikan staf (staff selection and recruitment) berasaskan kerangka kerja kompetensi; dan 4. melaksanakan penilaian kelompok bakat akademik dan pengurusan & profesional berasaskan kompetensi menggunakan mekanisme Behavioural Event Self-Assessment (BESA) dan Behavioural Event Interview (BEI). 5. keberkesanan tindakan yang telah diambil adalah, seramai 6 orang pengurus sumber manusia telah bergraduat (2 orang daripada kohort pertama sementara 4 orang daripada kohort kedua), UPM telah berjaya menghasilkan Kerangka Kerja Kompetensi Kepemimpinan Pentadbir Universiti Awam (Pendaftar dan Bendahari) yang mula diterima dan diguna pakai di UA, Competency-based interview telah	Pejabat Pendaftar (PLS)	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BHRD) giat meneruskan usaha untuk melaksanakan Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (<i>Competency-Based Talent Management</i> – CBTM) di UPM dengan memberi penekanan kepada semua aktiviti sumber manusia sebagai mana tindakan berikut: 1. meningkatkan kompetensi pengurus sumber manusia melalui proses pembelajaran dan pembangunan (<i>learning and development</i> - L&D) berkaitan CBTM dengan mengikuti program TaME Kohort 3 anjuran AKEPT; 2. penjajaran semula proses dan aktiviti sumber manusia supaya selari dengan pendekatan CBTM meliputi pemilihan dan pengambilan, pengurusan prestasi, kenaikan pangkat, pembangunan dan pembelajaran dan pelan penggantian; 3. menghasilkan kerangka kompetensi teras dan kepimpinan Kumpulan Pengurusan dan Profesional UPM; 4. meneruskan usaha untuk menghasilkan kompetensi khusus mengikut skim perkhidmatan dan jawatan strategik UPM; 5. memperkukuh pelaksanaan temu duga berasaskan kompetensi (<i>competency-based interview</i> - CBI) yang telah dimulakan sejak tahun 2019; 6. memperkukuh pelaksanaan penilaian kelompok bakat akademik dan P&P melalui <i>Behavioural Event Self-Assessment</i> (BESA) dan <i>Behavioural Event Interview</i> (BEI).

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
		direalisasikan di UPM mulai tahun 2019 dan 60 orang kelompok bakat telah dinilai dan akan diserahkan kad laporan pencapaian kompetensi masing-masing. 6. pengendalian latihan secara kerjasama strategik dengan agensi luar seperti program AKEPT-UPM Strategic Leadership Coaching for University Leaders yang memfokus kepada pemantapan kepimpinan institusi telah dilaksanakan menerusi proses pembangunan dan pembelajaran (learning and development – L&D) berdasarkan kompetensi dan keperluan kepimpinan sebagaimana dalam kerangka kompetensi pelan penggantian, di mana keberkesanannya, kelompok bakat dinilai dan jurang kompetensi dianalisis serta dijadikan asas L&D bagi tujuan peningkatan kompetensi mereka.		Penilaian awal melalui kaedah ujian psikometrik iLEAD dengan kerjasama AKEPT juga mula dilaksanakan untuk mendapatkan gambar awal profil kepimpinan bagi kelompok bakat; 7. menerbitkan buku Kompetensi Kepemimpinan Pentadbir (Pendaftar dan Bendahari) Universiti Awam akan direalisasikan dalam bulan Disember 2021. Status semasa adalah pada peringkat pemurnian draf terakhir dengan Pusat Penerbit UPM; dan 8. mengukuhkan jaringan dan hubungan kerjasama yang erat dengan pihak AKEPT melalui pelaksanaan program <i>CV Leadership for Public University Registrars and Bursars</i> dan kursus-kursus kepimpinan lain dari semasa ke semasa.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN																												
12.	10.7.1(a) iv	strategi pemantapan berterusan sumber manusia 2020 menerusi Penambahbaikan Sistem dan Proses dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftar bersama Pusat Pembangunan Komunikasi & Maklumat (IDEC) yang kini sedang dalam proses membangunkan Projek Transformasi Sumber Manusia.	Pejabat Pendaftar dan IDEC	Maklum balas iDEC 86% Peratus pencapaian adalah merujuk kepada pembangunan Fasa 1 dan Fasa 2. Fasa 1 terdiri daripada 8 proses/sistem dan telah siap pembangunan pada 2020. Fasa 2 terdiri daripada 30 proses/sistem dan sehingga 30 April 2021, kemajuan projek pada tahap 76% siap. Berikut merupakan pecahan kemajuan projek HRT bagi Fasa 1 dan Fasa 2 : <table><tr><th>FASA</th><th>SIAP</th><th>BELUM BERMULA</th><th>DALAM PEMBANGUNAN</th><th>ANALISIS</th><th>UAT</th><th>SISTEM/ PROSES</th></tr><tr><td>FASA 1</td><td>8</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr><tr><td>FASA 2</td><td>12</td><td>2</td><td>11</td><td>2</td><td>3</td><td>30</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>20</td><td>2</td><td>11</td><td>2</td><td>3</td><td>30</td></tr></table>	FASA	SIAP	BELUM BERMULA	DALAM PEMBANGUNAN	ANALISIS	UAT	SISTEM/ PROSES	FASA 1	8	0	0	0	0	0	FASA 2	12	2	11	2	3	30	JUMLAH	20	2	11	2	3	30
FASA	SIAP	BELUM BERMULA	DALAM PEMBANGUNAN	ANALISIS	UAT	SISTEM/ PROSES																										
FASA 1	8	0	0	0	0	0																										
FASA 2	12	2	11	2	3	30																										
JUMLAH	20	2	11	2	3	30																										
13.	10.7.1(a) v	Sistem Transformasi Aplikasi Sumber Manusia (HRT) merupakan sistem yang akan dibangunkan, yang menghimpunkan Sistem Pengurusan Perisytiharan Harta, Sistem Penetapan Perjawatan, Sistem Penetapan Perjawatan, Sistem Permohonan Pengisian Jawatan PTJ, Sistem Pengurusan Perancangan Tenaga Akademik, Sistem Pengurusan Iklan Jawatan, Sistem Pengurusan Permohonan Jawatan, Sistem Pengurusan Lapor Diri, Sistem Pengurusan Kenaikan Pangkat Akademik, Proses Pengurusan Pentadbiran HR Portal serta Rujukan HR Portal.	Pejabat Pendaftar	53.33% sistem di Fasa 2 Projek Transformasi Sistem Sumber Manusia (HRT) siap dibangunkan. Pembangunan untuk Fasa 2 melibatkan 30 sistem/proses utama yang berkaitan dengan perjawatan dan penggajian staf UPM. Pejabat Pendaftar memantau kemajuan pembangunan dengan mengadakan mesyuarat berkala bersama iDEC. Perancangan untuk Fasa 2 adalah 2 tahun iaitu tahun 2020 hingga 2021. Rujuk status pencapaian keseluruhan HRT Fasa 2 Q2 2021 terlampir.																												

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
10.7.2 - Sokongan Sumber Kewangan				
14.	10.7.2(a)viii	Mesyuarat turut mengambil perhatian keperluan strategi sumber dalaman UPM bagi tahun 2020 dan mengesyorkan pelaksanaan inisiatif penjimatan penggajian khususnya bagi perjawatan tertentu yang telah berada dalam pelan penggantian jawatan peringkat Jabatan/PTJ berbanding pelaksanaan lantikan kontrak secara berterusan.	Bursar & Pendaftar	<u>Maklum balas P. Pendaftar:</u> 1) Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) kali ke-175 pada 21 Oktober 2020 telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa <i>Taskforce</i> bagi semakan semula dan mengkaji keperluan pelantikan Pegawai Akademik Kontrak di UPM dan mengambilkira kos peruntukan kewangan bagi tahun 2021. Penubuhan jawatankuasa ini adalah hasil saranan daripada Lembaga Pengarah Universiti supaya keperluan Pegawai Akademik Kontrak dikaji semula sebagai satu langkah penjimatan dan penggunaan sumber kewangan yang optimum. 2) Jawatankuasa <i>Taskforce</i> telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 25 November 2020 dan pada 2 Disember 2020. Hasil daripada mesyuarat tersebut dan cadangan Jawatankuasa adalah seperti berikut: i) Pelantikan pegawai akademik kontrak adalah untuk menampung keperluan pensyarah di setiap fakulti. Keperluan atau perancangan pelantikan pensyarah di setiap fakulti perlu merujuk kepada nisbah pensyarah pelajar (nisbah Ideal) yang dicadangkan. ii) Pelantikan pegawai akademik kontrak perlu mengikut bidang pengajaran utama di Fakulti. Sistem Pelantikan Pensyarah (mengikut bidang) telah dibangunkan oleh Pejabat Pendaftar bagi menyokong proses pelantikan pensyarah mengikut bidang.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
				Menyemak semula bidang utama bagi setiap pensyarah berdasarkan bidang utama pengajaran supaya tiada pertindihan bidang di setiap Jabatan dan Fakulti. iii) Mewujudkan pengunjuran kenaikan pangkat/pelantikan pensyarah mengikut gred (DS54/VK7/VK6/VK5) mengikut fakulti dan mengikut bidang bagi tujuan pelan penggantian. Perkara ini juga membantu pensyarah menjadi mentor kepada pensyarah. iv) baharu dan mengetuai sesuatu projek penyelidikan di setiap PTJ di samping menyokong hasrat universiti untuk melahirkan Profesor Ulung. v) Strategi pengambilan pensyarah kontrak berdasarkan keperluan dan aktiviti utama di PTJ. KPI bagi setiap pensyarah kontrak ditetapkan dengan lebih terperinci. Pensyarah kontrak dicadangkan tidak dibebankan dengan memegang jawatan pentadbiran tetapi perlu fokus kepada pencapaian KPI atau aktiviti PTJ. vi) Penilaian Prestasi Pegawai Akademik Kontrak dibuat setiap tahun oleh Ketua PTJ. Pegawai Akademik Kontrak yang tidak mencapai KPI dan prestasi tahunan perlu ditamatkan walaupun tempoh lantikan belum tamat.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
				3) Laporan Jawatankuasa <i>Taskforce</i> Keperluan Pegawai Akademik Kontrak di UPM tersebut telah dibentang dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia, ke-148 pada 15 Disember 2020 (MINIT LPU 148/02). 4) Laporan Jawatankuasa <i>Taskforce</i> Keperluan Pegawai Akademik Kontrak di UPM tersebut juga telah dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti ke-736 pada 30 Disember 2020 (MINIT 736.05(f) (1)). Maklum balas Bursar: Strategi tindakan telah dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftar. Rujuk maklumbalas daripada Pejabat Pendaftar.
10.8 - PENGURUSAN RISIKO, PENILAIAN DAN KEBERKESANAN TINDAKAN				
10.8.1 - Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko dan Peluang Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)				
15.	10.8.1(f)	mengambil perhatian penilaian risiko operasi tahun 2019 ke atas pernyataan isu yang memberi kesan kepada lapan (8) bidang utama KPI Universiti (Akademik dan Antarabangsa, Penyelidikan dan Inovasi, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Jaringan Industri dan Masyarakat, Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan dan Aset, Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT dan Pertanian). Mesyuarat mengambil perhatian kepada 22 penilaian risiko tahap tinggi dan maklum balas Peneraju KPI sebagaimana yang dinyatakan pada Lampiran Kertas Agenda 8.1. Bilangan risiko tahap tinggi adalah seperti berikut: i. Sumber Manusia sebanyak 5 risiko tinggi; ii. Pengurusan Kewangan dan Aset sebanyak 5 risiko tinggi;	Peneraju KPI (Pejabat Pendaftar, Pejabat Bursar, Pej. TNC AA, Pej. TNC PI, Pej. TNC JINM, CIO UPM (PSAS/iDEC) dan PTJ yang berkaitan	Maklum balas iDEC : Gangguan capaian rangkaian Internet & Intranet (Dalaman/Luaran): 1. Proses perolehan telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada Mac 2021. Status semasa adalah penyediaan dokumen tender. 2. Pemantauan peralatan rangkaian secara berterusan (real time) menggunakan perisian <i>Paessler Router Traffic Grapher (PRTG)</i>

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
		iii. Akademik dan Antarabangsa sebanyak 4 risiko tinggi; iv. Penyelidikan dan Inovasi sebanyak 4 risiko tinggi v. Jaringan Industri dan Masyarakat sebanyak 2 risiko tinggi; vi. Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT sebanyak 2 risiko tinggi.		3. Perkhidmatan Jaminan Pengeluar (warranty) dan Penyelenggaraan <i>Core Switch</i> Utama UPMNet dalam peringkat perolehan sebutharga. 4. Penyelenggaraan dalaman peralatan rangkaian Penempatan Pusat Data dan NOC di tingkat bawah bangunan iDEC Beta dan terdedah dengan bencana banjir: Permohonan RMK12 Rolling Plan 2 Tahun 2022 telah dikemukakan semula ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) oleh Universiti Putra Malaysia melalui Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset pada 3 Februari 2021. Maklum balas Pej.TNCPI: 1 risiko (FEM) adalah tindakan PTJ dan 2 risiko (IPPM & PSP) masih dalam pelaksanaan tindakan. 1 risiko (IKP) telah melaksanakan projek pengubahsuaian serta naik taraf dan disiapkan pada 10 Mac 2021. Maklum balas Pejabat Bursar: 1 risiko (SPE) telah diambil tindakan oleh PTJ. 4 risiko melibatkan peruntukan PPDN telah diambil tindakan menerusi penstrukturan semula PPDN di bawah HPUPM yang mana HPUPM boleh menggunakan peralatan PPDN untuk perkhidmatan radiologi di HPUPM dan kos penyelenggaraan boleh ditampung menggunakan peruntukan operasi HPUPM.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
16.	10.8.1(h)	mengambil perhatian pelaksanaan tindakan bagi tahap risiko 'Rendah' dipantau secara berterusan, manakala Strategi Tindakan yang dicadangkan untuk mengawal tahap Risiko 'Sederhana' dan 'Tinggi' , masih dalam proses tindakan oleh Pusat Tanggungjawab dan akan dinilai pada pertengahan tahun Kedua 2020.	PTJ yang berkenaan [Rujuk Penilaian Risiko Operasi PTJ Tahun 2020] Portal e-ISO UPM DOKUMEN RISIKO OPERASI SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) MS ISO 9001:2015 PUSAT TANGGUNGJAWAB BAGI TAHUN 2020 (OPRISK)	Pejabat Naib Canselor dan Entiti : Telah membuat penilaian risiko HY2 dan telah dikemukakan kepada pihak CQA pada 8 Februari 2021 dan membuat pembetulan/pindaan ke atas komen yang diberikan. Tahap risiko 'rendah' dipantau secara berterusan dan strategi tindakan disediakan bagi kawalan ke atas tahap risiko 'sederhana' dan 'tinggi' oleh PTJ.
10.8.2 - Hasil Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)				
17.	10.8.2(d)	mengambil perhatian bahawa semua peneraju ISMS yang terlibat akan melaksanakan pemantauan terhadap keberkesanan tindakan kawalan serta pelan pemulihan risiko dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.	TWP ISMS/ Pasukan Peneraju ISMS	Sekretariat CQA : Pemantauan menerusi Mesyuarat JK Kerja ISMS UPM dan dilaporkan pada Mesyuarat JK Kualiti, UPM.
10.9 - PELUANG PENAMBAHBAIKAN QMS DAN ISMS				
mengambil perhatian enam (6) peluang penambahbaikan QMS yang telah direkodkan dan dalam proses pelaksanaan tindakan oleh Peneraju seperti berikut:				
18.	10.9(b)i	Menambahbaik kaedah pemantauan proses akreditasi program di bawah swaakreditasi bagi memastikan jaminan kualiti sesuatu program dipantau dan dinilai mengikut tempoh yang ditetapkan - Pembangunan Sistem PutraAQAS (<i>Putra Academic Quality Assurance System</i>).	TWP Pusat Jaminan Kualiti	Pembangunan Sistem PutraAQAS (<i>Putra Academic Quality Assurance System</i>) telah tersedia bagi pemantauan proses akreditasi program di bawah swaakreditasi serta memastikan jaminan kualiti sesuatu program dipantau dan dinilai mengikut tempoh yang ditetapkan.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN									
19.	10.9(b)ii	Menambahbaik proses Pendaftaran Pelajar Baharu Kemasukan Semester Pertama 2020/2021 - Pelaksanaan PutraENROLL: Transformasi Pendaftaran Pelajar Baharu (Prasiswazah dan Siswazah).	Sekolah Pengajian Siswazah	Modul PutraENROLL di dalam iGIMS telah dibangun bagi menguruskan pendaftaran pelajar baharu siswazah secara dalam talian dan telah digunakan mulai kemasukan Semester Pertama 2020/2021.									
20.	10.9(b)iii	Menambahbaik tempoh pembetulan tesis selepas peperiksaan akhir (Viva Voce) - Tempoh pembetulan tesis sebagaimana berikut: - Tempoh pembetulan bagi pindaan kecil adalah tiga (3) bulan manakala pindaan besar adalah enam (6) bulan; - Pelajar tidak dibenarkan untuk membuat pembetulan tesis selepas tempoh maksimum tersebut; dan - Kegagalan pelajar mengemukakan pembetulan tesis dalam tempoh ditetapkan akan mengakibatkan status 'Gagal dan Diberhentikan'.	Sekolah Pengajian Siswazah	Perubahan tempoh pembetulan tesis baharu ini telah bermula bagi mana-mana pelajar yang menjalani peperiksaan akhir (viva voce) selepas 10 September 2020. Berdasarkan rekod pelajar yang menjalani viva voce antara 10 September 2020 sehingga 30 Jun 2021, peratusan tempoh pelajar memajukan pembetulan tesis ke SPS dalam tempoh ditetapkan adalah seperti berikut: - Tesis Diterima dengan Pindaan Kecil – 88% - Tesis Diterima dengan Pindaan Besar – 85% Berlaku peningkatan yang ketara bagi peratusan penghantaran pembetulan tesis dalam tempoh baharu ini berbanding dengan tempoh pembetulan terdahulu sebagaimana berikut: <table><tr><th>Keputusan Viva</th><th>Tempoh Baharu (Viva 10 September – Jun 2021)</th><th>Tempoh Asal (Viva Mac 2019 – April 2020)</th></tr><tr><td>Pindaan Kecil</td><td>88%</td><td>51%</td></tr><tr><td>Pindaan Besar</td><td>85%</td><td>37%</td></tr></table> <u>Nota:</u> Tempoh Baharu: Pindaan Kecil – 3 bulan/Besar – 6 bulan Tempoh Asal: Pindaan Kecil – 1 bulan/Besar – 2 bulan	Keputusan Viva	Tempoh Baharu (Viva 10 September – Jun 2021)	Tempoh Asal (Viva Mac 2019 – April 2020)	Pindaan Kecil	88%	51%	Pindaan Besar	85%	37%
Keputusan Viva	Tempoh Baharu (Viva 10 September – Jun 2021)	Tempoh Asal (Viva Mac 2019 – April 2020)											
Pindaan Kecil	88%	51%											
Pindaan Besar	85%	37%											

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
21.	10.9(b)iv	Penambahbaikan kepada senarai bantuan kewangan sedia ada - Peluasan Putra Alumni Scholarship Scheme (PASS) kepada alumni tempatan untuk menyambung pengajian mereka di peringkat PhD di UPM.	Sekolah Pengajian Siswazah	• <i>Putra Alumni Scholarship Scheme (PASS)</i> kepada alumni tempatan mula ditawarkan pada Semester Pertama 2020/2021 dengan pengecualian yuran sebanyak 10% dengan tempoh pembiayaan maksimum 6 bulan. Setakat ini seramai 10 pelajar PhD tempatan telah menerima biasiswa ini. • Satu lagi skim biasiswa baharu iaitu Biasiswa Khas Wartawan (BKW) telah mula ditawarkan mulai Semester Kedua 2020/2021 (JPU Minit 712.05 (d) pada 25 Jun 2020, dan JKTK Minit 13/3(2020) pada 10 November 2020). Pemberian Biasiswa Khas ini untuk pelajar dari kalangan wartawan yang telah mendapat tawaran pengajian siswazah khususnya program Master Secara Kerja Kursus, Master Secara Penyelidikan dan PhD di UPM, iaitu terhad kepada 5 tempat setiap tahun selama 5 tahun sahaja. i) empat (4) semester bagi pelajar Master (tidak termasuk pelajar Master Secara Kerja Kursus) dan enam (6) semester bagi pelajar PhD; ii) Pengecualian yuran diberikan bagi setiap 11 pelajar (pelajar ke-11) yang melanjutkan pengajian siswazah secara penyelidikan dan membayar yuran penuh tanpa diskaun atau bantuan kewangan yang lain;

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
				iii) Bilangan dikira berdasarkan kemasukan pelajar baharu dalam satu tahun akademik yang sama. Sekiranya kelompok pelajar bercampur, pengecualian diberikan berdasarkan yuran terendah dalam kelompok 11 pelajar tersebut; iv) Maksimum pengecualian adalah 10 orang pelajar setahun bagi setiap penaja.
22.	10.9(b)v	Penambahbaikan kepada kaedah pemantauan pelajar Berstatus DROPPED - Pelajar berstatus DROPPED dan tidak menjelaskan yuran sehingga minggu ke-7 adalah tidak dibenarkan mengikuti kelas dan peperiksaan (semua penilaian). Berkuatkuasa Semester 1 2020/2021, pelajar terlibat akan dikenakan penalti (RM600) dan status akan ditukar kepada DEFER.	Sekolah Pengajian Siswazah	Memandangkan arahan PKP masih berkuatkuasa sehingga Semester Kedua 2020/2021, JPU telah memutuskan untuk membenarkan pelajar membuat pembayaran yuran selewatnya pada 31 Ogos 2021. Selepas tempoh tersebut status, pelajar akan bertukar kepada <i>Dropped</i> semula Bagi pelajar yang terkesan dengan PKP khususnya pelajar program secara penyelidikan yang tidak dapat akses ke Makmal/Lapangan boleh membuat permohonan penangguhan melebihi tempoh yang ditetapkan selagi pelajar tidak menduduki peperiksaan akhir. Pelajar akan dikenakan penalti RM600 dan status pelajar akan ditukarkan kepada <i>Defer</i> untuk Semester Kedua 2020/2021. Bermula Semester Pertama 2021/2022, SPS akan menggunakan ketetapan sedia ada di mana bagi pelajar yang tidak mendaftar dan tidak menjelaskan yuran sehingga minggu ke-2, status pelajar akan bertukar kepada <i>Dropped</i> dan pelajar tidak akan dibenarkan untuk mengikuti kursus yang telah didaftarkan.

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN
23.	10.9(b)vi	Menambahbaik proses pemilihan kepakaran dan bidang pengajian siswazah bagi Program Secara Penyelidikan di UPM untuk mengurangkan pelajar membuat pertukaran bidang dan PTJ. Di samping pensyarah yang memilih bidang tersebut adalah merupakan kepakaran masing-masing dalam penyelidikan - Setiap pensyarah boleh memilih maksimum lima (5) bidang penyelidikan dan juga boleh memilih dari luar bidang PTJ di mana pensyarah tersebut ditempatkan. Sehingga kini, terdapat 301 bidang siswazah yang aktif dan menjadi pilihan pelajar dan pensyarah untuk membuat pemilihan berdasarkan kepakaran dan penyelidikan yang telah dirancang oleh pelajar.	Sekolah Pengajian Siswazah	Pensyarah dibenarkan untuk memilih lima (5) bidang pengajian. Bagi bidang pengajian yang tidak ditawarkan di PTJ, PTJ perlu mendaftarkan bidang tersebut melalui Borang Permohonan Pendaftaran/ Perubahan Maklumat Program/Bidang Dalam i-GIMS (PU/S/BR08/GS-KUR03) bagi membolehkan pelajar mendaftar dan memilih nama penyelia dalam bidang pengajian yang berkenaan. SPS juga masih dalam proses untuk membangunkan modul baharu i-GIMS di mana sistem tersebut akan merangkumi penambahbaikan bagi proses permohonan mengikut bidang serta pengurusan & pemantauan program/bidang pengajian.
mengambil perhatian satu (1) peluang penambahbaikan ISMS yang telah direkodkan dan dalam proses pelaksanaan tindakan oleh Peneraju seperti berikut:				
24.	10.9(c)i	Menambahbaik sistem sokongan Pusat Data Utama bagi memastikan Pusat Data Utama berada dalam ketersediaan yang terbaik, berkualiti dan dapat menjamin keselamatan maklumat di UPM - Penggantian bateri <i>Uninterruptible Power Supply</i> (UPS), Pusat Data Utama (iDEC Beta).	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	Penggantian bateri <i>Uninterruptible Power Supply</i> (UPS), Pusat Data Utama (iDEC Beta) telah dilaksanakan melalui perolehan SH47/2020(11924) pada Ogos 2020.